

23 DEC 1999

MAHATHIR YAKIN UMNO AKAN SOKONG ABDULLAH SEBAGAI PENGGANTINYA

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau percaya bahawa Umno akan menyokong naib presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya untuk kepimpinan parti.

"Sudah tentu, jika saya bersara (Timbalan Perdana Menteri) Datuk Abdullah (Ahmad Badawi) akan mengambil alih," katanya.

Dr Mahathir ditanya mengenai pengganti kepemimpinan Umno pada satu persidangan berita selepas melancarkan syiling emas peringatan alaf baru di Palace of the Golden Horses, di sini.

"Tetapi, saya rasa Umno akan menyokong Datuk Abdullah sebagai pengganti saya," kata beliau.

Abdullah menjalankan tugas-tugas timbalan presiden parti sejak September tahun lepas.

Mengenai sama ada perhimpunan agung Umno akan dipercepatkan daripada pertengahan tahun depan kepada suku pertama tahun depan, Dr Mahathir berkata ia masih terlalu awal untuk dipertimbangkan.

"Mereka belum menimbangkan apa-apa langsung. Saya rasa mereka ada banyak masa... kita tidak perlu terburu-buru," kata beliau.

Bank Negara hari ini memperkenalkan syiling edisi terhad yang diperbuat daripada emas padu 999.9 yang mempunyai nilai sah sebanyak RM500.

Syiling itu, yang direkabentuk dan dikeluarkan oleh Mariwasa Kraftangan, akan hanya dijual sebanyak 10,000 unit spesimen pada harga RM2,000 setiap satu di bank-bank terpilih atau di syarikat itu.

-- BERNAMA
GHZ RYN NAK